

**PETIKAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
BIL. 1/2016 (58)**

**Tarikh : 4 Mac 2016 (Jumaat)**  
**Masa : 9.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat**  
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah**  
**Tingkat 6, Wisma Innoprise**  
**Kota Kinabalu, Sabah.**

---

**Minit V. Kertas JTK UMS : 4/2016 (58) – Cadangan Kadar Sewa Ruang dan Kemudahan Universiti Malaysia Sabah**

Mesyuarat

a) mengambil maklum bahawa:

- i. tambahan senarai kadar sewa ruang dan kemudahan Dalam permohonan keenam belas adalah melibatkan Kolej Kediaman Tun Fuad dan Kolej Kediaman Tun Mustapha;
- ii. Perincian senarai kadar sewa ruang dan kemudahan yang dicadangkan untuk tujuan sewaan di Universiti Malaysia Sabah adalah seperti di Jadual 1 dalam kertas kerja mesyuarat;
- iii. Penetapan kadar sewa ruang dan kemudahan dalam kertas cadangan ini adalah berdasarkan kepada laporan penilaian yang disediakan oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sabah (JPPH);
- iv. Kadar sewa ruang dan kemudahan yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sabah (JPPH) merupakan kadar minima dan masih tertakluk kepada kesesuaian pemakaian di UMS untuk pelaksanaan. UMS telah menerima pakai kadar minima tersebut untuk kadar sewa kepada agensi kerajaan, manakala tambahan 20% ke atas kadar minima tersebut sebagai kadar sewa untuk agensi bukan kerajaan; dan
- v. Pada masa kini aktiviti penyewaan diselenggarakan oleh Seksyen Kutipan dan Kawalan Penghutang di Jabatan Bendahari UMS (Kampus Induk) dan Bahagian Pentadbiran serta Bahagian Kewangan (UMSKAL) dengan kerjasama pusat tanggungjawab yang berada di lokasi berkenaan. Garis Panduan Penyewaan Ruang dan Kemudahan UMS boleh dimuat turun daripada laman sesawang Jabatan Bendahari UMS (<http://www.ums.edu.my/bendahari>).

**KEPUTUSAN**

**Bersetuju meluluskan tambahan senarai kadar sewa ruang dan kemudahan di Universiti Malaysia Sabah seperti jadual berikut:**

<b>Bil.</b>	<b>JFPIU</b>	<b>Ruang / Kemudahan</b>	<b>Kegunaan</b>	<b>Kadar Sehari Kerajaan (RM)</b>	<b>Kadar Sehari Bukan Kerajaan (RM)</b>
1.	Kolej Kediaman Tun Fuad dan Tun Mustapha	Rumah Pengetua (Kediaman 2 Tingkat)	Sewa Kediaman	<b>260.00</b>	<b>320.00</b>
2.		Rumah FELO (Unit Apartment)	Sewa Kediaman	<b>150.00</b>	<b>180.00</b>

**[Tindakan: Jabatan Bendahari, UMS]**

ms 1 drpd 1